



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PROGRAM JELAJAH TN50 ASPIRASI MASA DEPAN

Miri, 28 Ogos –YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia telah mengadakan sesi Dialog Bagi Program Jelajah TN50 Aspirasi Masa Depan bertempat di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri, Sarawak.

TN50 telah dimulakan secara rasmi di peringkat nasional melalui pelaksanaan Dialog Perdana oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Januari 2017 bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. TN50 adalah inisiatif Kerajaan menyediakan hala tuju negara bagi tempoh 30 tahun akan datang berdasarkan aspirasi daripada rakyat berlandaskan pendekatan secara 'bottom-up'. Ini merupakan langkah proaktif Malaysia selaras dengan perubahan trend mega dunia sebagai menghadapi cabaran pada tahun 2050 kelak. Inisiatif ini juga merupakan usaha menyambung landasan pembangunan negara selepas fasa Wawasan 2020 yang akan berakhir dalam tiga tahun lagi.

Sesi dialog TN50 Kementerian Sumber Manusia akan memberikan penumpuan kepada bidang pembelajaran dan pekerjaan. Ini adalah selari dengan peranan Kementerian Sumber Manusia sebagai peneraju dalam bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia bertaraf dunia. Bagi bidang pembelajaran, tumpuan diberikan kepada latihan kemahiran, di mana aspirasi yang dikongsi dalam konteks keperluan kemahiran yang bersesuaian, peluang pekerjaan bagi kemahiran yang diperlukan masa hadapan, pembabitan industri di dalam memperkasakan pendidikan berteraskan kemahiran serta lain-lain perkara yang dirasakan relevan bagi aspek pembelajaran terutamanya bagi pendidikan berteraskan kemahiran.

Manakala bagi bidang pekerjaan, aspek seperti keselamatan sosial, hak pekerja, keselamatan dan keselesaan di tempat kerja, keseimbangan di antara pekerjaan dan kehidupan sosial, faedah asas di tempat kerja dan banyak lagi aspek yang dirasakan penting dan boleh dijadikan agenda utama negara. Perkara-perkara yang dikongsi ini boleh dijadikan asas kepada penggubalan dasar berkaitan pekerjaan oleh Kerajaan.

Program siri jelajah TN50 oleh Kementerian Sumber Manusia menyasarkan objektif seperti berikut:

- (i) merangsang pemikiran, ekspresi dan keterlibatan khususnya pelajar Institut Latihan Kemahiran Awam/Swasta dan golongan pekerja di bawah usia 35 tahun terhadap hala tuju jangka panjang Malaysia melalui pelbagai pendekatan seperti pengumpulan aspirasi TN50 dan sesi dialog; dan
- (ii) mewujudkan semangat positif atau Feel Good Factor dan optimis di kalangan belia melalui keterlibatan, promosi kreatif dan penjenamaan TN50.

Program Jelajah TN50 ini juga adalah merupakan salah satu platform untuk Kementerian Sumber Manusia bagi menjelaskan berkenaan hasrat Kerajaan dalam menggumpulkan idea dan aspirasi rakyat dalam menentukan hala tuju negara ke arah tahun 2050 daripada semua warga Bahagian/Jabatan/Agensi, para pekerja muda dan para pelajar Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di bawah seliaan Jabatan/Agensi kementerian.

Konsep jelajah ini akan melibatkan pendekatan dan aktiviti seperti berikut:

- (i) Aspiration model canvas;
- (ii) Sesi bual bicara bersama ikon kemahiran.
- (iii) Sesi dialog bersama panel yang terdiri daripada YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan YBhg. Dato' Sri KSU. Sesi dialog akan dimulakan dengan opening remarks daripada panel berkenaan senario semasa mengenai bidang pekerjaan dan keperluan kemahiran, cabaran semasa dan masa akan datang serta kepentingan mendapatkan aspirasi daripada peserta;
- (iv) Sesi lontaran aspirasi, idea, komen dan pandangan oleh peserta;
- (v) sesi rumusan oleh moderator sebagai punutup majlis; dan
- (vi) pelaporan akan dilaksanakan oleh fasilitator.

Koordinasi aktiviti bersama pelbagai pihak adalah amat perlu dalam memastikan penggunaan sumber sedia ada serta memastikan perbelanjaan yang efektif dan efisien dalam mencapai objektif. Dalam hubungan ini, program akan dijalankan dengan kerjasama strategik daripada bahagian/jabatan/agensi di bawah kementerian dalam berkongsi sumber fasiliti dan guna tenaga sedia ada.

Program Jelajah TN50 KSM yang diadakan buat julung kalinya di ADTEC Kemaman, Terengganu yang melibatkan 400 orang peserta telah berjaya mengumpul lebih 100 aspirasi melalui sesi dialog dan aspiration model canvas. ILP Kota Kinabalu merupakan lokasi kedua dan siri jelajah ini akan melabuhkan tirainya di ILP Miri dengan YB Menteri Sumber Manusia sebagai panel pada 28 Ogos 2017.

Kumpulan sasaran bagi sesi dialog TN50 Kementerian Sumber Manusia adalah kumpulan pelatih bidang kemahiran dan golongan pekerja muda berumur di bawah 35 tahun di sekitar Kota Kinabalu, Sabah dan Miri, Sarawak.

*Perkongsian juga boleh diberikan melalui media sosial KSM iaitu Facebook dan Twitter dengan menggunakan #tn50ksm

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
28 Ogos 2017**